



Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

KANDUNGAN

- 1. Watak-Watak Utama dalam Cerita Kehidupan Yesus *ms.10***
 - *Latar belakang watak-watak utama dalam Cerita Kehidupan Yesus*
- 2. Lawatan Malaikat *ms.14***
 - *Lukas 1:5-45 & 57-66 Kelahiran Yesus Dinubuatkan*
- 3. Kelahiran Yesus *ms.18***
 - *Matius 1:18-25 dan Lukas 2:1-20 Yesus lahir dan gembala ternakan adalah orang pertama yang mendengar tentang kelahiran Penyelamat daripada para malaikat*
- 4. Ahli Kaji Bintang dan Bintang *ms.22***
 - *Matius 2:1b-23; Lukas 1:46-56; 2:14-18 Ahli Kaji Bintang dari Timur mengikut bintang untuk melihat Penyelamat, tetapi ada bahaya tidak jauh dari tempat itu*
- 5. Baptisan dan Pencubaan Yesus *ms.27***
 - *Lukas 3; Matius 3, 4 Yesus dibaptis oleh Yohanes lalu dicubai oleh Iblis di tanah gurun*
- 6. Pengenalan akan Kehidupan di Galilea *ms.31***
 - *Kehidupan di Galilea – Penduduk dan Geografi Tanah*
- 7. “Aku akan mengajar kamu menjala orang” - Panggilan kepada 12 Pengikut *ms.34***
 - *Lukas 5 & 6, Matius 4:18-22; Markus 1:14-20; Yohanes 1:35-51 Bagaimana Yesus bertemu dan memilih 12 orang pengikut-Nya*
- 8. Kuasa untuk Menyembuhkan dan Mengampunkan Dosa *ms.38***
 - *Matius 4; Lukas 5; Markus 2 Yesus mengajar dan meneguhkan ajaran-Nya dengan mukjizat*
- 9. Khutbah di atas Bukit – Seperti yang Ditulis oleh Matius *ms.42***
 - *Matius 5–7 Yesus menyampaikan Khutbah Kebahagiaan*
- 10. Iman, Kuasa dan Wibawa *ms.48***
 - *Matius 8; Markus 4 & 5; Lukas 8 Kuasa atas alam semula jadi dan roh-roh jahat*
- 11. Yesus dan Anak Perempuan Yairus *ms.52***
 - *Markus 5 Catatan Markus sebagai saksi*
- 12. Memberi Makan Kepada Orang Ramai *ms.55***
 - *Matius 14 dan Yohanes 6 dengan rujukan tambahan dari Markus 6 dan Lukas 9 Yesus memberi makan kepada Orang Ramai, sebuah cerita yang ditulis dalam keempat-empat kitab Berita Baik*
- 13. Penyataan dan Yesus Dimuliakan *ms.59***
 - *Matius 16 & 17, Markus 8 & 9, Lukas 9 Yesus bertanya kepada para pengikut-Nya tentang pendapat mereka terhadap Dia tetapi juga memberikan amaran tentang bahaya yang akan dihadapi di Yerusalem*

Cerita Kehidupan Yesus Jilid 2

KANDUNGAN

14. **Wanita Samaria dan Orang Samaria yang Baik Hati ms.63**
 - *Yohanes 4 & Lukas 10 Yesus menceritakan Perumpamaan Orang Samaria yang Baik Hati.*
15. **Kepentingan Menjadi Rendah Hati ms.67**
 - *Lukas 18:9-14 & Matius 18:1-6*
16. **Perumpamaan tentang Yang Hilang dan Yang Dijumpai Semula ms.70**
 - *Lukas 15 Perumpamaan Domba yang Hilang & Anak yang Sesat.*
17. **Yesus dan Lazarus - Kesaksian Peribadi Yohanes ms.74**
 - *Yohanes 11 Lazarus, sahabat karib Yesus, sakit dan meninggal. Apabila Yesus tiba di rumahnya, Lazarus sudah meninggal empat hari lepas.*
18. **Yesus dan Zakheus ms.78**
 - *Lukas 18 & 19 Yesus menyembuhkan orang buta dan berjumpa dengan pemungut cukai di Yerikho.*
19. **Pengenalan Yerusalem pada Zaman Yesus ms.81**
 - *Maklumat tentang latar belakang Yerusalem dan Rumah Tuhan Herodes pada zaman Yesus.*
20. **Yesus Masuk ke Yerusalem ms.85**
 - *Matius 21, Markus 11, Lukas 19 dan Yohanes 12 Yesus masuk ke Yerusalem dengan menunggangi keldai. Dia menegur orang Farisi apabila mereka mencabar kewibawaan-Nya di Rumah Tuhan.*
21. **Perjamuan Tuhan ms.90**
 - *Markus 14 & Lukas 22, Matius 26 & Yohanes 13, Yudas berkomplot untuk mengkhianati Yesus dan Yesus makan jamuan Paska bersama-sama para pengikut-Nya.*
22. **Taman Getsemani ms.95**
 - *Matius 26, Markus 14, Lukas 22 & Yohanes 18.*
 - *Yesus berdoa sementara pengikut-Nya tidur. Askar-askar segera datang bersama-sama Yudas.*
23. **Yesus Dihakimi ms.99**
 - *Markus 14:53-65, Yohanes 18:28-19:16 & Matius 27:24-26.*
 - *Yesus menghadap Majlis Agama dan Gabenor Roma.*
24. **Apa yang Berlaku Pada Waktu Penyaliban ms.106**
 - *Matius 27:32-56; Markus 15:21-47; Lukas 23:26-56; Yohanes 19:17-42 Yesus disalib.*
25. **Kebangkitan ms.112**
 - *Matius 27-28, Markus 16, Lukas 24 & Yohanes 20 Gempa bumi berlaku dan askar-askar yang mengawal kubur Yesus lari. Yesus menampakkan diri kepada para pengikut-Nya.*
26. **Sarapan Terakhir - Kesaksian Peribadi oleh Yohanes ms.116**
 - *Yohanes 20-21 Yesus memberikan amanat kepada Petrus untuk memimpin jemaah awal.*
27. **Amanat Agung dan Kenaikan Yesus ms.120**
 - *Matius 28:11-20; Lukas 24:44-53; dan Kisah Rasul 1:9-11 Yesus memberikan amanat agung dan naik ke syurga.*
28. **Penutup - Pelajaran Utama daripada Cerita Kehidupan Yesus ms.123**
 - *Ringkasan pelajaran utama daripada cerita Kehidupan Yesus dan Pengajaran Utama daripada Berita Baik untuk dunia hari ini.*

Rujukan **ms.128**



1. Watak-Watak Utama dalam Cerita Kehidupan Yesus

Sebelum kita benar-benar bermula dengan cerita Kehidupan Yesus, marilah melihat watak-watak utama dalam cerita ini. Selain Yesus yang menjadi watak paling penting, ada juga orang lain yang memainkan peranan penting dalam cerita.

Mereka adalah 12 orang Pengikut yang kemudian disebut Rasul; Maria dan Yusuf, ibu bapa Yesus di dunia, Yohanes Pembaptis, Herodes Agung, Herodes Antipas, Pontius Pilatus dan Imam Agung Kayafas.

Ada juga ramai watak yang lain dalam cerita Kehidupan Yesus, tetapi peranan mereka akan diterangkan semasa cerita disampaikan nanti.

12 Pengikut Yesus – kemudian disebut Rasul

Pada mulanya mereka orang biasa yang melakukan pekerjaan harian di Galilea. Selepas mereka mula mengikut Yesus, mereka selalu bersama-sama Dia selama kira-kira 3 tahun. Pada waktu itu, mereka mendengar pengajaran dan melihat mukjizat Yesus. Kehidupan mereka diubah untuk selamanya.



Simon Petrus

I. Simon, kemudian disebut Kefas (atau Petrus dalam bahasa Yunani)

Dilahirkan di Betsaida, di Galilea. Bapanya seorang nelayan bernama Yona. Petrus bekerja sebagai nelayan ketika Yesus mula-mula berjumpa dengan dia. Dia dan saudaranya Andreas menjadi rakan sekerja dengan dua orang anak lelaki Zebedeus, iaitu Yakobus dan Yohanes. Keempat-empat mereka menjadi pengikut Yesus. Petrus menjadi pemimpin dan jurucakap yang diakui bagi kumpulan mereka.

II. Yakobus, anak Zebedeus

Dia bekerja sebagai nelayan. Dia abang rasul Yohanes. Bapa mereka ialah Zebedeus dan ibu mereka ialah Salome. Tuhan memberi nama julukan 'anak-anak guruh' kepada Yakobus dan saudaranya. Yakobus, adiknya Yohanes dan Petrus menjadi pengikut yang paling rapat dengan Tuhan.



Yakobus, anak Zebedeus



III. Yohanes, anak Zebedeus

Dalam tulisannya tentang cerita Kehidupan Yesus, Yohanes merujuk kepada dirinya sendiri sebagai 'pengikut yang dikasihi Yesus'. Yohanes adik Yakobus. Dia sangat mengasihi gurunya. Pada waktu penyaliban, di kalangan pengikut Yesus, hanya Yohanes yang berdiri dekat dengan kayu salib. Oleh itu, Yesus dapat bercakap dengan dia dan Maria, ibu Yesus.

Yohanes, anak Zebedeus

IV. Andreas

Andreas pengikut Yohanes Pembaptis, dan mendengar dia menyebut Yesus sebagai 'Anak Domba Allah.' Lalu Andreas minta izin untuk mengikut Yesus. Andreas dijemput untuk mengikut-Nya (Yohanes 1:35-42). Andreas memperkenalkan Yesus kepada abangnya Simon Petrus. Dia berkata, "Kami sudah bertemu dengan Mesias." Ini menjadi pengumuman bahawa Yesus itu raja.



Andreas



V. Filipus

Filipus berasal dari Betsaida. Yesus bertemu dengan dia di Galilea (Yohanes 1:43). Yesus berkata kepadanya, "Ikutlah Aku!" Sejak itu, Filipus menjadi pengikut-Nya. Filipus juga mengajak Natanael untuk menjadi salah seorang 12 pengikut Yesus.

Filipus

VI. Bartolomeus (Natanael)

Apabila Bartolomeus diperkenalkan kepada Yesus oleh Filipus, dia berkata, "Bolehkah sesuatu yang baik datang dari Nasaret?" (Yohanes 1:45-46). Yesus berkata kepadanya, "Inilah orang Israel sejati; tiada kepalsuan padanya!" (Yohanes 1:47).



Natanael



VII. Matius Lewi

Matius ialah anak Alfeus dan saudara seorang lagi pengikut yang bernama Yakobus. Dia seorang pemungut cukai sebelum dia dipanggil oleh Yesus. Sebagai pemungut cukai, mungkin dialah yang paling berpendidikan di kalangan 12 orang Rasul.

Matius Lewi

VIII. Tomas

Tomas bekerja sebagai nelayan dan berasal dari Galilea. Dia juga dikenali sebagai 'Si Kembar'. Tomas ragu-ragu tentang kebangkitan Gurunya sebelum dia sendiri melihat Yesus (Yohanes 20:28).



Tomas

IX. Yakobus, anak Alfeus

Dia saudara Rasul Matius.

X. Simon, si Patriot

Dia disebut sebagai Simon, si Patriot. 'Patriot' adalah istilah yang umumnya digunakan untuk merujuk sekumpulan orang yang ingin menggunakan keganasan untuk memperjuangkan kemerdekaan Israel.

XI. Yudas

Dia juga dikenali sebagai Tadeus dan kadang-kadang disebut sebagai Yudas tetapi bukan 'Iskariot'.

XII. Yudas Iskariot

Nama 'Iskariot' boleh bererti 'orang dari Keriot.' Ini mengandaikan Yudas berasal dari selatan Yudea. Dia satu-satunya pengikut yang tidak berasal dari Galilea.



Yudas Iskariot

Maria, ibu Yesus

Maria seorang gadis muda Yahudi yang tinggal di Nasaret. Malaikat Gabriel menampakkan diri kepadanya untuk memberitahu Maria akan mengandung. Pada waktu itu Maria masih anak dara. Dia bertunang dengan seorang tukang kayu bernama Yusuf. Yusuf ialah keturunan Daud. Ramai pakar Alkitab berfikir Maria pun keturunan Daud. Kemungkinan sekali salasilah Kristus dalam Lukas fasal 3 disusur galur mengikut nenek moyang Maria, ibunya. (Rujukan: New Bible Dictionary, IVP, ms.747).

Maria menyatakan kasih dan ketaatannya kepada Tuhan. Maria menyambut misi yang diberi kepadanya meskipun ada bahaya yang terlibat. (Rujukan: New Bible Dictionary, 2nd Edition oleh IVP, ms. 746 – 748).

Maria dan Yusuf



Yusuf, suami Maria

Alkitab menggambarkan dia sebagai orang baik (Matius 1:19-23). Mungkin Yusuf telah meninggal pada waktu Yesus menjadi seorang pemuda. Yusuf tidak disebut lagi selepas zaman kanak-kanak Yesus. Kitab Matius mencatat empat kali Tuhan berfirman kepadanya dalam mimpi untuk memberi dia pimpinan supaya melindungi Kristus, anak itu.

Yohanes Pembaptis

Yohanes Pembaptis adalah sanak saudara Yesus. Ibunya Elisabet dan Maria ibu Yesus, adalah bersaudara. Bapanya ialah Zakharia. Pakaian Yohanes ditunen daripada bulu unta dan dia memakai tali pinggang daripada kulit. Keterangan ini penting kerana Yohanes mewakili Elia yang pernah memakai pakaian yang serupa (2 Raja 1:8). Ada nubuat-nubuat dalam Perjanjian Lama yang meramalkan seorang nabi seperti Elia harus muncul sebelum Mesias datang (Maleakhi 4:5-6). Yesus memberitahu para pengikut-Nya bahawa Yohanes itulah yang menepati nubuat Perjanjian Lama tersebut (Matius 11:11-14). Cerita Yohanes ini disampaikan di dalam Fasal 4, Baptisan dan Pencubaan Yesus.

Raja Herodes I (kadang-kadang disebut sebagai Herodes Agung)

Rujuk bab sebelumnya.



Herodes I


Herodes Antipas

Dia putera Herodes Agung. Dia pemerintah (pemerintah tempatan) di Galilea. Dia berkahwin dengan isteri saudaranya Filipus, bernama Herodias. Dengan itu dia **melanggar Taurat** Musa. Dia memerintah dari 4 SM hingga kira-kira 39 TM. Dia terkenal kerana memenjarakan Yohanes Pembaptis dan kemudian membunuh dia. Herodes takut jangan-jangan Yesus adalah Yohanes Pembaptis yang hidup semula.

Melanggar Taurat

Rujuk Imamat 18:16 dan 20:21.

Herod Antipas



Pontius Pilatus

Pontius Pilatus ialah pemerintah Roma di Yudea di antara tahun 26 dan 36 TM. Dia dilantik oleh Maharaja Kaisar Tiberius. Dialah 'Penguasa' bagi Yudea. Tugasnya adalah memungut cukai untuk Roma dan menghentikan sebarang pemberontakan. Biasanya Pilatus tinggal di Kaisarea Maritama. Dia melawat ke seluruh negeri, terutamanya ke Yerusalem semasa menjalankan tugas. Pada waktu perayaan Paska setiap tahun, ramai orang datang ke Yerusalem untuk perayaan kebangsaan tersebut. Penguasa Yudea pun berada di sana untuk menjaga keamanan.

Dia mempunyai kira-kira 120 pasukan askar berkuda dan 3,000 pasukan tentera berjalan kaki di bawah perintahnya untuk menjaga keamanan. Sekiranya ada pemberontakan yang besar dan dia memerlukan bantuan, dia boleh minta bantuan daripada pegawai atasannya, iaitu gabenor Siria. Empayar Roma mempunyai askar lima kali lebih banyak daripada itu yang berpangkalan di Siria. Pilatus mewakili Maharaja dan dialah yang paling tinggi kuasa di Yudea. Pilatus tidak disukai oleh orang Yahudi.

(Rujukan: http://en.wikipedia.org/Pontius_Pilate)

Pilatus tidak disukai oleh orang Yahudi – maklumat tambahan daripada Josephus

Ada dua peristiwa yang dicatat oleh Josephus yang menunjukkan sebabnya Pilatus dibenci oleh orang Yahudi.

1. Pilatus membawa bendera dan panji-panji perang Roma ke dalam Rumah Tuhan di Yerusalem. Panji-panji itu biasanya mempunyai gambar maharaja, dan dianggap seperti berhala oleh orang Yahudi. Ramai orang Yahudi bergegas ke Kaisarea untuk merayu kepadanya supaya mengeluarkan panji-panji yang menyakitkan hati. Dia tidak mempedulikan mereka selama lima hari. Kemudian dia mengancam untuk membunuh mereka. Oleh sebab itu, orang Yahudi merebahkan diri di tanah dan mendedahkan leher mereka. Mereka mengumumkan bahawa mereka lebih rela dibunuh daripada membiarkan hukum dilanggar. Akhirnya, Pilatus mengeluarkan panji-panji tersebut kerana dia tidak mahu membunuh terlalu banyak orang.

2. Pada suatu masa yang lain, Pilatus menggunakan benda-benda yang dianggap suci di Rumah Tuhan, untuk membayar pembinaan sejenis paip besar yang menyalurkan air ke dalam kota Yerusalem. Orang ramai datang untuk menyampaikan rungutan kepadanya. Lalu Pilatus menggunakan askar-askarnya yang berpakaian awam untuk bergaul dengan orang ramai. Kemudian askar-askar memukul semua ketua perungut sehingga parah.

(Rujukan: *Antiquities of the Jews and Wars of the Jews* oleh Flavius Josephus)

Imam Agung Kayafas

Kayafas ialah imam agung Yahudi dari tahun 18 hingga 36 TM. Dia anak menantu Hanas yang menjadi imam agung sebelumnya. Kedudukan imam agung adalah kedudukan paling tinggi yang boleh dipegang oleh seorang Yahudi di negerinya sendiri. Kayafas melihat Yesus sebagai ancaman terhadap kedudukannya. Oleh itu, dia berpakat untuk membunuh Yesus.

Cerita Kehidupan Yesus Jilid 1

2. Lawatan Malaikat

Luke 1:5-45 & 57-66

Lukas 1:5-25 Kelahiran Yohanes Pembaptis

Diumumkan

Pada waktu **Herodes menjadi raja Yudea**, ada seorang imam bernama Zakharia di Yudea. Dia dan isterinya, Elisabet, adalah orang baik. Mereka hidup dengan mentaati firman Tuhan. Namun, mereka sedih kerana mereka tidak mempunyai anak dan mereka semakin tua.

Pada suatu hari Zakharia dipilih untuk membakar kemenyan di atas mazbah di dalam rumah Tuhan. Dia masuk ke dalam **Rumah Tuhan** sementara orang ramai menunggu di luar dan berdoa semasa kemenyan dibakar.

Sementara Zakharia memerhati asap harum yang mengepul naik dari mazbah, dia melihat malaikat Tuhan berdiri di hadapannya. Zakharia takut. ^{Lukas 1:13}

Tetapi malaikat itu berkata kepadanya, "Janganlah takut, Zakharia! Allah sudah mendengar doamu. Isterimu Elisabet akan melahirkan seorang anak lelaki. Hendaklah engkau menamakan dia Yohanes.

FAKTA MENARIK

Herodes menjadi raja Yudea:

Ini merujuk kepada Herodes I atau Herodes Agung.

Rumah Tuhan:

Herodes membina Rumah Tuhan di tapak Rumah Tuhan pertama yang dibina oleh Salomo.

¹⁴ Engkau akan sangat bersukacita dan bergembira, dan banyak orang akan bersukacita apabila dia dilahirkan! ¹⁵ Dia akan menjadi orang besar di sisi Tuhan. Dia tidak boleh minum wain atau minuman keras. Sejak di dalam rahim ibunya dia akan dikuasai oleh Roh Allah. ¹⁶ Dia akan memimpin banyak orang Israel kembali kepada Tuhan, Allah mereka.

¹⁷ Dia akan menjadi utusan Tuhan yang kuat dan berkuasa seperti Elia. . . . Dia juga akan mempersiapkan suatu umat untuk Tuhan."

Zakharia bersiap untuk membakar kemenyan di Bait Suci.



¹⁸Zakharia berkata kepada malaikat itu, “Bagaimana aku boleh tahu bahawa perkara ini akan berlaku? Aku sudah tua dan isteriku pun sudah tua.”

Lukas 1:19 Malaikat itu menjawab, “Aku ini **Gabriel** yang sentiasa siap melakukan suruhan Allah. Dia sendiri mengutus aku kepadamu supaya menyampaikan berita baik ini. ²⁰ Apa yang aku katakan akan berlaku pada waktunya. Tetapi kerana engkau tidak percaya, engkau akan menjadi bisu sehingga apa yang aku katakan berlaku.”

FAKTA MENARIK

Gabriel:

Nama Gabriel bererti ‘orang kuat Tuhan’. Dia satu daripada dua malaikat sahaja yang disebut nama dalam Alkitab. Malaikat yang satu lagi ialah Mikhael, malaikat pahlawan. Gabriel ialah utusan Tuhan. Rujukan: Illustrated Bible, ms. 213.



Kaca berwarna di Katedral Glasgow yang menunjukkan Malaikat Gabriel datang kepada Maria. Foto oleh: Penulis

Lukas 1:21 Sementara itu, orang ramai sedang menantikan Zakharia. Mereka hairan kerana dia begitu lama di dalam Rumah Tuhan.

²² Ketika Zakharia keluar, dia tidak dapat bercakap kepada mereka. Dia memberikan isyarat dengan tangan kerana dia bisu. Lalu orang di situ tahu bahawa Zakharia sudah nampak satu penglihatan di dalam Rumah Tuhan.

Tidak lama kemudian, Elisabet mengandung.

Lukas 1:26-38 Kelahiran Yesus Diumumkan

Lukas 1:26 Setelah Elisabet mengandung enam bulan, Allah mengutus malaikat Gabriel ke **Nasaret**, sebuah kota di negeri Galilea. ²⁷ Gabriel membawa berita untuk seorang gadis bernama Maria. Dia telah bertunang dengan seorang lelaki bernama Yusuf, keturunan Raja Daud.

FAKTA MENARIK

Nasaret:

Kubah di atas bangunan gereja Basilica of the Annunciation direka untuk menyerupai rumah api. Gereja itu dibina di tapak runtuh lima buah gereja terdahulu. Inilah yang menandakan tapak yang dipercayai malaikat Gabriel mengumumkan kepada Maria bahawa dia akan menjadi ibu kepada Mesias.

Foto oleh: Penulis.



Malaikat muncul kepada Mary.

²⁸ Malaikat itu datang kepada Maria dan berkata, “Salam sejahtera, hai engkau yang sangat diberkati oleh Tuhan! Tuhan menyertai engkau!”

Maria takut.

Malaikat itu berkata, "Jangan takut, Maria, engkau sudah diperkenankan oleh Tuhan. Tidak lama lagi engkau akan mengandung dan melahirkan anak lelaki. Engkau harus menamakan dia Yesus. Dia akan menjadi orang besar dan Tuhan Allah akan memberi Dia takhta bapa-Nya Daud. Kerajaannya tidak akan berakhir."

Maria berkata, "Aku masih dara. Bagaimanakah perkara ini boleh berlaku?"

Lukas 1:35 Malaikat itu menjawab, "Roh Allah akan datang kepadamu, dan kuasa Allah akan menaungi

engkau. Itulah sebabnya Anak yang akan lahir itu disebut Suci, Anak Allah. ³⁶ Ketahuilah, sanakmu Elisabet yang dikatakan mandul, sudah mengandung enam bulan, walaupun umurnya sudah lanjut. ³⁷ Bagi Allah tiada perkara yang mustahil."

³⁸ Maria berkata, "Aku hamba Tuhan; biarlah berlaku kepadaku seperti yang engkau katakan." Lalu malaikat itu meninggalkan Maria.

Kemudian malaikat itu meninggalkan dia. Maria memikirkan segala sesuatu yang dikatakan oleh malaikat kepadanya. Sekiranya kata-kata Malaikat itu benar, maka hidupnya akan berubah. Dia akan memainkan peranan penting dalam rancangan Tuhan. Dia akan membantu dalam kedatangan Anak Tuhan ke dunia.

Tetapi ada juga bahayanya. Mungkinkah Yusuf mempercayainya dan masih mahu berkahwin dengan dia?

Adakah keluarga dan kawan-kawannya mempercayai dia? Menurut hukum Musa, Maria boleh direjam batu sampai mati kerana mengandung sebelum berkahwin.

Tetapi malaikat telah memberi dia tanda. Elisabet, saudaranya pun mengandung walaupun dia sudah tua. Maria mengambil keputusan untuk pergi melawat dia.

Lukas 1:39-80 Maria Melawat Elisabet

Dengan segera Maria bersiap dan pergi ke kawasan berbukit Yudea untuk melawat saudaranya. Apabila Maria masuk ke dalam rumah dan memberi salam kepada saudaranya, Elisabet merasa bayinya melompat gembira di dalam kandungannya.

Elisabet dikuasai oleh Roh Kudus dan mengetahui wanita yang berdiri di hadapannya adalah ibu kepada Anak Tuhan.

Elisabet sangat gembira berjumpa dengan Maria. Dia berkata, ^{Lukas 1:44} ". . . Sebaik sahaja aku mendengar salammu, anak dalam kandunganku bergerak kerana bersukacita. ⁴⁵ Alangkah bahagiannya kamu kerana percaya bahawa apa yang dikatakan oleh Tuhan kepadamu akan berlaku!"

Maria berkata, "Hatiku memuji Tuhan. Jiwaku bersukacita dalam Tuhan yang menjadi Penyelamatku. Dia telah memandang aku dengan kasih, aku hamba-Nya yang hina! Oleh sebab Dia telah menghargai aku, generasi seterusnya akan memberkati namaku. Dia sentiasa berbelas kasihan kepada mereka yang mengasih dan mentaati-Nya."

Tidak lama kemudian, Maria bercakap kepada Elisabet. Dia berkata, "Saya sudah bertunang. Menurut Taurat, saya boleh direjam batu kerana mengandung sebelum berkahwin. Apakah yang harus saya buat?"

Elisabet memeluk Maria dan berkata, "Tinggallah

Elisabet menggalakkan Mary.



dengan kami dan kita akan berdoa mohon pimpinan.”

“Elisabet, mengapakah Tuhan memilih saya? Sedangkan saya hanya orang biasa?” Maria bertanya dengan sungguh-sungguh.

Elisabet senyum dan menjawab, “Akan tiba masanya, anakku. Akan tiba masa yang tepat apabila Dia menunjukkan maksud-Nya kepada kita.”

Maria tinggal dengan Elisabet selama tiga bulan. Kemudian dia kembali ke rumahnya di Nasaret.

Tidak lama kemudian, Elisabet melahirkan seorang anak lelaki dan mereka menamakan dia Yohanes

seperti arahan malaikat. Jiran-jiran dan sanak saudara mereka mendengar berita baik itu dan mereka bergembira bersama-sama Elisabet.

Semua orang yang mendengar cerita itu tahu ada sesuatu yang istimewa berlaku dan Tuhan menyertai anak itu.

FAKTA MENARIK

Mereka memberi dia nama Yohanes:

Zakharia, bapa itu, tidak dapat bercakap pada masa itu. Apabila Elisabet mencadangkan nama Yohanes, sanak saudara mereka hairan. Mereka tidak mempunyai saudara yang bernama Yohanes. Lalu Zakharia menulis nama itu pada sehelai kertas. Selepas itu, suaranya pulih. *Bacalah ceritanya di dalam kitab Berita Baik Lukas.*

Pelajaran daripada cerita ini

1. Misi hidup Yohanes diberi sebelum dia lahir. Dia akan menyediakan jalan bagi Mesias. Yohanes taat kepada panggilannya.
2. Nasaret sebuah kampung yang miskin di Galilea. Tuhan memilih anak dara daripada keluarga miskin untuk menjadi ibu kepada anak-Nya. Kelahiran ini akan menepati nubuat dalam Perjanjian Lama (Yesaya 7:14). Melalui kuasa Roh Kudus, Maria akan mengandung seorang anak lelaki dengan tiada bapa manusia. Yesus benar-benar manusia tetapi juga benar-benar Tuhan.
3. Walaupun dia tahu ada masalah di hadapan, Maria percaya apa yang dikatakan oleh Malaikat dan menyerahkan dirinya kepada rancangan Tuhan. Jawapan Maria kepada malaikat menjadi pelajaran untuk kita semua ketika dia berkata, “Aku ini hamba Tuhan.”

Soalan Perbincangan

1. Mengapakah Zakharia ragu-ragu dengan kata-kata malaikat tentang dia dan isterinya mendapat anak lelaki? Mengapakah kamu menyokong atau membantah tindak balas Zakharia pada waktu itu?
2. Bandingkan tindak balas Maria dan Zakharia terhadap kata-kata malaikat Gabriel. Apakah persamaannya?

Apakah perbezaannya?
3. Apakah pelajaran yang kita boleh pelajari daripada watak-watak dalam cerita ini:
 - * Zakharia
 - * Maria
 - * Elisabet